

Sikap Pelajar Terhadap Situasi Persaingan: Kajian di Universiti Utara Malaysia

Rajwani Mohd Zain, Tee Chuei Pei

dan Md Zawawi Abu Bakar

Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia

Universiti Utara Malaysia,

06010 Sintok, Kedah

rajwani@uum.edu.my, zawawi@uum.edu.mu

Abstrak: Sikap bersaing perlu wujud dalam diri setiap pelajar terutama bagi tujuan kecemerlangan akademik. Namun, tidak semua pelajar yang merasakan diri mereka sebagai pesaing kepada pelajar lain malah tidak meletakkan diri sebagai pesaing yang hebat. Kajian yang telah dilakukan di salah sebuah kolej di Universiti Utara Malaysia (UUM) ini bagi meninjau sikap persaingan yang wujud di kalangan pelajar serta perbezaan yang mungkin wujud adalah berdasarkan latar belakang masing-masing. Kajian melibatkan 322 orang responden dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan etnik, manakala bagi ciri-ciri demografi yang lain iaitu jantina dan semester pengajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan. Di samping itu, analisis korelasional Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap terhadap situasi persaingan dengan PMK terakhir (pencapaian akademik). Ini menunjukkan para pelajar yang mempunyai sikap persaingan yang positif mempunyai pencapaian akademik yang baik. Berdasarkan hasil tersebut, langkah-langkah bagi meningkatkan sikap yang positif dan daya saing terhadap situasi persaingan bagi menghadapi cabaran secara efektif dan produktif perlu disarankan kepada pelajar.

Katakunci: Sikap, persaingan, pelajar.

Pengenalan

Individu yang berada dalam situasi persaingan merupakan seorang pesaing. Menang adalah motif utama bagi seseorang pesaing. Individu begini selalu lebih mementingkan sejauh mana prestasinya lebih baik berbanding dengan orang lain dalam satu-satu interaksi [1].

Sikap boleh bertindak sebagai skemata iaitu dengan cara menstrukturkan dunia persekitaran (situasi persaingan) agar dunia persekitaran dapat difahami dan tindakan yang wajar boleh diambil. Selain itu, sikap membolehkan seseorang mendapatkan ganjaran identifikasi atau pengesahan. Ia memainkan peranan dalam penyesuaian sosial manusia. Dalam situasi persaingan, sikap membolehkan individu memperolehi ganjaran sama ada berbentuk kemenangan, kepuasan, kejayaan dan sesuatu pencapaian yang positif sekiranya sikap yang ditonjolkan adalah bersesuaian. Sikap yang dianggap sesuai bagi mencapai ganjaran yang diharapkan biasanya seperti usaha, mencuba dan bersaing bagi mendapat sesuatu tempat.

Sikap adalah salah satu elemen penting dalam menentukan sesuatu kejayaan. Contoh sikap adalah seperti malas, rajin, jujur, bertanggungjawab, optimistik, riang, dan sebagainya. Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa sikap yang positif membantu individu belajar dengan lebih produktif dan dapat menghadapi situasi persaingan dengan lebih cekap dan berkeyakinan.

Dalam situasi persaingan, individu berusaha untuk mencapai matlamat peribadi dengan memilih alternatif yang sesuai bagi memaksimumkan faedah mereka. Persaingan boleh memotivasi individu untuk melakukan yang terbaik. Contohnya, dalam persekitaran pembelajaran, pelajar-pelajar bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan markah yang terbaik dalam pencapaian akademik. Sikap persaingan begini memperlihatkan sebagai bentuk persaingan yang sihat. Walaubagaimanapun, tidak semua pelajar mempunyai sikap persaingan yang positif. Bagi sesetengah individu (pelajar) tertentu, mereka akan menerima apa sahaja keputusan dalam akademik yang diperolehi tanpa melakukan usaha yang sepatutnya, seolah-olah mereka tidak mempunyai matlamat yang perlu dicapai [1].

Individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran dalam bentuk kepuasan dan kemenangan bagi dirinya, dan pada masa yang sama dapatlah memenuhi harapan orang lain terhadap diri mereka terutama ibu bapa atau orang-orang yang signifikan. Sebaliknya, persaingan boleh mendatangkan keburukan apabila seseorang berusaha memperolehi kepentingan terhadap diri dengan cara yang boleh menimbulkan masalah kepada orang lain ataupun diri sendiri. Ini menunjukkan

persaingan yang sihat atau sebaliknya adalah bergantung kepada sikap seseorang dan ia berbeza antara individu. Ini kerana, tidak semua individu mempunyai sikap terhadap situasi persaingan secara positif dan sihat.

Situasi persaingan adalah suatu motivasi yang kuat di mana ia boleh mengarahkan tingkah laku seseorang. Dengan ini, ia merupakan salah satu faktor yang menentukan tahap pencapaian manusia di dalam kehidupan. Menurut Sambolec [2], beliau telah cuba menggiatkan persaingan dengan pembolehubah personaliti yang lain untuk menilai tentang pencapaian keputusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa persaingan adalah korelasi negatif terhadap lokus kawalan dalaman. Situasi persaingan tidak dikategorikan sebagai keadaan baik atau buruk, ia adalah keadaan neutral. Ini adalah kerana ia bergantung kepada persekitaran sosial dan bagaimana pandangan seseorang terhadap persaingan. Pertandingan (situasi persaingan) boleh dianggap sebagai satu sumber yang positif terhadap motivasi bagi meningkatkan kemahiran [3]. Pendek kata, situasi persaingan merupakan satu motivasi terhadap pelajar tetapi ia bergantung kepada trait personaliti masing-masing untuk menghadapinya.

Pernyataan Masalah

Pendidikan merupakan satu proses penting yang mana melatih kepakaran yang amat diperlukan oleh negara. Pendidikan merupakan suatu situasi persaingan yang amat penting bagi pelajar. Sistem kuota kemasukan pelajar universiti telah dilaksanakan pada tahun 1970an, dan telah digantikan pada tahun 2002 oleh sistem meritokrasi yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri pada masa itu Tun Dr. Mahathir [4]. Dengan optimistiknya kita berpendapat bahawa pelajar dari pelbagai kumpulan etnik akhirnya akan diberi peluang untuk bersaing sesama mereka dengan adil. Haraplah rakyat Malaysia akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di masa hadapan bagi menaikkan daya saing negara secara menyeluruh menerusi kejutan mental ini terhadap setiap individu.

Kini masalah yang berlaku adalah kadar pengangguran graduan yang tinggi telah mencapai 80,000 orang (Utusan Malaysia, 2 Mac, 2005). Mengapakah hal ini boleh berlaku? Selain itu, jumlah kemasukan pelajar perempuan ke universiti lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki dan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Mengapakah keadaan ini berlaku? Adakah sikap yang ditonjolkan bermasalah? Bagi mengenalpasti punca masalah ini maka kajian ini perlulah dijalankan.

Faktor utama berlakunya masalah ini mungkin disebabkan sikap terhadap situasi persaingan sama ada secara positif atau negatif. Para pelajar seharusnya menunjukkan sikap yang proaktif dan kreatif dalam situasi persaingan bagi mencapai kejayaan pada masa ini atau pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bermatlamat untuk mengenalpasti sikap pelajar terhadap situasi persaingan berdasarkan jantina, bangsa, semester pengajian dan pencapaian akademik.

Persoalan Kajian

Terdapat pelbagai persoalan yang berkaitan dengan sikap terhadap situasi persaingan. Persoalan utama adalah untuk mengkaji sikap pelajar terhadap situasi persaingan dan perkaitannya dengan pencapaian akademik. Tambahan pula, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan sikap terhadap situasi persaingan dan hubungannya dengan jantina, bangsa, dan semester pengajian. Persoalan kajian yang wujud dalam kajian ini ialah:

- a) Adakah sikap terhadap situasi persaingan berbeza berdasarkan jantina?
- b) Adakah sikap terhadap situasi persaingan berbeza berdasarkan etnik?
- c) Adakah sikap terhadap situasi persaingan berbeza berdasarkan semester pengajian?
- d) Adakah sikap terhadap situasi persaingan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik?

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan demografi terpilih iaitu jantina, etnik dan semester pengajian. Selain itu, kajian ini juga cuba mengkaji hubungan sikap terhadap situasi persaingan dengan pencapaian akademik.

Metod kajian

Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah kampus di UUM iaitu kolej Bukit Kachi 1 melibatkan 322 orang pelajar sebagai responden kajian yang diambil secara rawak mudah. Responden terdiri dari pelajar semester tiga hingga semester ketujuh dan terdiri dari pelbagai program pengajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini borang soalselidik yang dipetik dari the *sport orientations questionnaire* (SOQ) yang digunakan oleh Sambolec [2]. Soalselidik ini mengandungi 30 item dan menggunakan skala likert iaitu responden mempunyai pilihan jawapan sama ada sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Data dianalisis menggunakan program *statistical package for social sciences*

(SPSS) melalui ujian ANOVA, ujian t, dan pekali korelasi bagi menjawab objektif kajian. Selain itu, sebelum menjalankan kajian lapangan, satu kajian rintis telah dijalankan di kalangan 30 orang pelajar di sebuah kolej berlainan dan nilai Cronbach's Alpha yang diperolehi ialah 0.914.

Hasil kajian dan Perbincangan

Dari edaran borang soal selidik yang telah dilakukan didapati 108 orang (33.5%) responden adalah lelaki manakala 214 orang (66.5%) terdiri dari pelajar perempuan. Taburan dari segi etnik pula menunjukkan Melayu seramai 127 orang (39.4%), Cina seramai 123 orang (38.2%), India seramai 59 orang (18.3%) dan lain-lain etnik yang terdiri dari kaum Siam dan peribumi Sabah dan Sarawak seramai 13 orang atau 4.0%. Di samping itu, sebanyak 53.7% (173 orang) adalah pelajar semester lima dan merupakan bilangan yang paling ramai berbanding dengan semester pengajian yang lain, diikuti oleh 33.2% atau 107 orang dari semester tiga, 8.7% (28 orang) pelajar semester tujuh dan masing-masing lapan (2.5%) dan enam orang (1.9%) dari semester empat dan enam. Dari keseluruhan 322 orang responden yang terlibat, terdapat 189 orang (58.7%) mendapat PMK antara 3.00-3.49. Manakala 71 orang (22.0%) mendapat PMK antara 2.50-2.99. Seramai 52 orang (16.1%) mendapat PMK antara 3.50-4.00. Tujuh orang pelajar (2.2%) mendapat PMK 2.00-2.49 dan selebihnya iaitu tiga orang atau 0.9% mendapat PMK 0.00-1.99 iaitu status lulus bersyarat. Jika dilihat dari nilai purata (min) bagi sikap terhadap situasi persaingan menunjukkan nilai 100.04 iaitu berada pada tahap sederhana.

Perbezaan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan jantina.

Sikap terhadap situasi persaingan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kajian ini ($t=3.393$, $p=0.001$). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min sikap pelajar perempuan adalah lebih tinggi iaitu 101.841 berbanding dengan pelajar lelaki dengan min 96.472. Ini bermakna pelajar perempuan lebih mengamalkan sikap yang positif terhadap situasi persaingan (lebih bersaing).

Hal ini dapat dihujahkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia yang tidak mengamalkan ‘diskriminasi’ dengan melaksanakan sistem meritokrasi. Dengan ini, pelajar lelaki dan pelajar perempuan diberi peluang untuk bersaing sesama mereka dengan adil. Pelajar perempuan yang sikap lebih bersaing dengan menunjukkan prestasi yang baik mendapat peluang untuk pendidikan. Ini dapat dilihat melalui jumlah kemasukan pelajar perempuan ke universiti lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki dan semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Penemuan kajian ini didapati selari dengan pendapat Alagna [5], iaitu sesiapa yang menunjukkan sifat *masculine* merupakan individu yang kuat bersaing tanpa mengira tentang jantina biologikalnya. Ini bermakna perempuan juga boleh menunjukkan sikap terhadap situasi persaingan yang positif dan bukannya hanya di kalangan lelaki sahaja. Ianya bergantung kepada sikap keinginan berjaya dan keyakinan terhadap diri sendiri.

Walaupun dalam kajian Roberts [6], menunjukkan bahawa lelaki lebih memberi respon terhadap persaingan. Tetapi dalam kajian beliau juga telah menunjukkan bahawa perempuan tidak semestinya menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan berbanding dengan lelaki. Sebaliknya, perempuan mempunyai daya pertahanan diri yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Tetapi daripada kajian Sambolec [2], menunjukkan bahawa orientasi persaingan lelaki adalah lebih daripada perempuan. Malah perempuan lebih mementingkan keharmonian dengan cara bekerjasama di dalam kelompok.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini telah menunjukkan perempuan adalah lebih bersaing berbanding lelaki. Ini mungkin disebabkan pelajar perempuan mempunyai sikap terhadap situasi persaingan dan penilaian terhadap diri sendiri yang tinggi dan positif. Mereka biasanya mempunyai keyakinan diri dan lebih bersedia serta berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat atau kejayaan dalam akademik. Ini memungkinkan sikap terhadap situasi persaingan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan menunjukkan perbezaan yang ketara.

Perbezaan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan etnik.

Kajian ini telah menunjukkan perbezaan yang signifikan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan etnik. Melalui ujian ANOVA yang dilakukan menunjukkan nilai $F=3.054$ dan nilai $p=0.029$. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar Cina merupakan pelajar yang paling tinggi sikap bersaing jika berbanding dengan pelajar lain-lain etnik iaitu 102.935. Selain itu, hasil kajian menunjukkan min sikap terhadap situasi persaingan bagi pelajar dari kaum Melayu, India dan lain-lain adalah hampir sama iaitu masing-masing dengan 98.291, 98.186 dan 98.153. Walaubagaimanapun, apabila ujian post-hoc dilakukan didapati tidak signifikan. Ini menunjukkan perbezaan hanya wujud secara keseluruhan sahaja,

apabila dilihat perbezaan secara individunya iaitu bagi setiap etnik, ia tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara antara setiap etnik. Perbezaan ini dapat dijelaskan bahawa kaum Cina ramai yang mengamalkan sikap ‘kiasu’ (takut kepada kekalahan). Daripada Laporan *Advisory Council on Youth* (1989) dalam Alvin Hwang [7], telah menunjukkan bahawa sikap ‘kiasu’ menjadi asas kepada orang muda Singapura terhadap pendidikan, kerja dan aspek-aspek lain dalam kehidupan mereka (kebanyakan rakyat Singapura adalah terdiri daripada bangsa Cina). Dengan ini, sikap persaingan ‘kiasu’ menjadi dasar kepada merangsang usaha untuk bersaing bagi mencapai kejayaan.

Dalam kajian Bruno [8], menunjukkan bahawa penghargaan kendiri akan mempengaruhi sikap seseorang terhadap tahap pencapaian akademik atau dalam situasi persaingan tanpa mengira mereka terdiri dari etnik mana sekalipun. Mereka yang mempunyai penghargaan diri yang tinggi lebih cenderung menghasilkan prestasi yang baik. Penjelasan terhadap sikap kurang bersaing di kalangan etnik lain (selain bangsa Cina) adalah mungkin disebabkan mereka mempunyai penghargaan kendiri yang sederhana atau rendah jika berbanding dengan pelajar Cina. Selain itu, orientasi pembelajaran terhadap proses pembelajaran yang sederhana dan mungkin disebabkan juga cara pemikiran yang berbeza terhadap situasi yang dihadapi. Contohnya, apabila menghadapi situasi persaingan terdapat individu yang sanggup menghadapi dan mencabarinya tetapi terdapat juga individu yang cuba mengelakkannya. Oleh itu, pihak sekolah atau IPT boleh mengambil langkah untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan mengadakan seminar pengurusan masa, peningkatan konsep kendiri dan sebagainya yang sesuai dengan pelajar-pelajar tanpa mengira latar belakang etnik pelajar tersebut. Selain itu, secara realitinya kadang kala kita boleh melihat pelajar yang datang dari etnik tertentu cenderung untuk cemerlang dalam mata pelajaran atau kursus tertentu sahaja. Jadi, pihak tenaga pengajar perlu mengambil langkah proaktif bagi memastikan mereka bukan hanya cemerlang dalam sesetengah mata pelajaran sahaja.

Perbezaan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan semester pengajian.

Kajian ini juga telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap situasi persaingan mengikut semester pengajian. Maka, hipotesis yang mengandaikan terdapat perbezaan sikap terhadap situasi persaingan mengikut semester pengajian telah ditolak iaitu melalui ujian ANOVA yang telah dilakukan ($F=1.733$, $p=0.142$). Ini menunjukkan gelaran sebagai ‘junior’ atau ‘senior’ tidak membezakan untuk seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif atau negatif terhadap situasi persaingan. Tetapi dalam kajian Hurlburt, Kroeker dan Gade [9], pelajar ‘senior’ menunjukkan sikap yang lebih baik terhadap proses pembelajaran dan orientasi pembelajaran jika berbanding dengan pelajar ‘junior’. Mereka (pelajar ‘senior’) dikatakan mempunyai teknik pembelajaran seperti menyalin nota, fokus kepada sesuatu topik, mengadakan sesi perbincangan kumpulan dan juga persediaan menghadapi ujian yang lebih baik. Manakala pelajar ‘junior’ lebih bersifat berhati-hati dan teragak-agak untuk menunjukkan sifat perlumbaan dalam pembelajaran dan kadang kala ada yang masih terikat dengan teknik pembelajaran semasa di sekolah. Mereka akan mengharapkan bahan pembelajaran disediakan sepenuhnya, takut untuk berjumpa dan berbincang dengan tenaga pengajar dan malu untuk bergaul seterusnya mengadakan perbincangan dengan pelajar lain, terutama yang datang dari latar belakang yang berbeza dengan mereka.

Kajian oleh Hurlburt, Kroeker dan Gade [9] turut disokong oleh kajian yang seterusnya iaitu Bonta [10], yang mendapati bahawa pelajar yang berada dalam tahun pengajian kedua dan ke atas mempunyai sikap optimistik yang tinggi dan mempunyai jangkaan yang lebih realistik disebabkan telah mempunyai pengalaman berjaya dan gagal dalam akademik pada masa dahulu. Ini menunjukkan pelajar yang telah bergelar ‘senior’ lebih bijak membuat perancangan dan mengatur strategi dalam pembelajaran. Tetapi, hasil kajian ini mendapat keputusan yang berbeza dengan kedua-dua kajian tersebut yang menunjukkan tiada perbezaan sikap terhadap situasi persaingan yang ketara mengikut semester pengajian.

Ini mungkin disebabkan walaupun merupakan pelajar ‘junior’ tetapi mereka mempunyai keinginan untuk belajar di alam pembelajaran yang baru serta memahami matlamat yang ingin dicapai oleh diri sendiri dan dalam masa yang sama keinginan untuk memenuhi impian ibu bapa amat tinggi. Pada peringkat ini juga sifat ‘belajar secara bersungguh-sungguh’ seperti yang diamanahkan oleh ibu bapa masing-masing masih menjadi pegangan mereka. Bagi pelajar ‘senior’ pula mereka memahami kepentingan bersaing dalam alam pembelajaran supaya memperolehi keputusan yang cemerlang. Hal ini menyebabkan mereka masing-masing mempunyai sikap yang hampir sama terhadap situasi persaingan. Selain itu, setiap individu mempunyai ciri-ciri personaliti yang berbeza. Dengan ini, akan menghasilkan sikap dan sifat yang berlainan. Oleh itu, sikap individu bukannya bergantung kepada peningkatan semester.

Hubungan sikap terhadap situasi persaingan dengan PMK terakhir (pencapaian akademik).

Melalui ujian pekali korelasi yang telah dilakukan menunjukkan bahawa sikap terhadap situasi persaingan mempunyai hubungan yang signifikan dengan PMK ($r=0.220$, $p=0.000$). Hasil kajian ini membuktikan sikap bersaing yang tinggi

berkecenderungan membawa peningkatan terhadap PMK di kalangan pelajar. Penemuan ini telah menunjukkan sokongan terhadap hasil kajian-kajian lepas oleh Recascino, Christina , & Smith [11] dan Alvin Hwang [7]. Dalam kajian-kajian lepas menunjukkan hubungan sikap persaingan yang tinggi secara signifikan akan mempengaruhi prestasi seseorang. Ini disebabkan mereka mempunyai minat dan motivasi yang tinggi.

Dalam kajian Alvin Hwang [7], seseorang yang mempunyai sikap ‘kiasu’ iaitu ‘takut kepada kekalahan’ akan lebih bersaing. Sikap ini merupakan pemangkin kepada situasi persaingan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini mungkin disebabkan mereka akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh agar tidak mengalami kekalahan dari segi pendidikan, kerja dan segala aspek dalam kehidupan harian. Dengan ini, sikap ‘kiasu’ menjadi perangsang usaha untuk bersaing.

Menurut Bonta [10], berpendapat bahawa pencapaian mempunyai hubungan yang rapat dengan pendidikan. Tetapi, persaingan tidak semestinya mempunyai hubungan dengan pencapaian. Ini disebabkan kemungkinan bahawa tanpa pertandingan juga boleh menghasilkan dorongan yang kuat terhadap pencapaian. Sikap kerjasama akan melahirkan pencapaian yang lebih baik berbanding dengan persaingan. Walau bagaimanapun, terdapat juga tugas tertentu yang mungkin perlu belajar dalam situasi bersaing bagi menghasilkan keberkesanannya [10]. Individu yang mengorientasikan pencapaian berkemungkinan besar akan mempunyai prestasi yang lebih baik dalam tugas persaingan berbanding dengan tugas bekerjasama.

Selain itu, kajian Houserman [12], menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai personaliti jenis A merupakan individu yang mengejar masa, bersaing, mampu melakukan banyak kerja dalam masa yang singkat dan berjuang demi kejayaan. Manakala personaliti jenis B pula adalah tenang, sabar dan kurang bersaing. Secara keseluruhannya, personaliti jenis A adalah lebih *superior* berbanding dengan jenis B dalam situasi persaingan. Biasanya, matlamat tidak dapat dicapai adalah kerana berfikiran negatif, perasaan takut dan tiada keyakinan kepada kebolehan diri sendiri.

Di samping itu, sikap yang mempercayai mengenai kebolehan diri dalam mempersembahkan tugas ia secara langsung berhubung dengan cita-cita pelajar, motivasi, dan pencapaian akademik. Sekiranya, pelajar melihat bahawa kebolehan dapat dipertingkatkan dengan pengetahuan dan latihan maka, individu tersebut akan sentiasa berharap mendapat peluang untuk mencabar walaupun menghadapi rintangan. Dengan ini, mereka akan memperolehi kemajuan dalam akademik. Menurut Ruthig, Perry, Hall, & Hladkyj [13], sikap optimistik terhadap situasi persaingan juga akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Ianya berhubung dengan menghadapi sesuatu secara aktif, penyelesaian masalah yang berkesan, penetapan matlamat yang realistik, ketahanan diri yang kuat bagi mencapai segala matlamat yang ditetapkan.

Selain itu, mereka juga akan menguji kepakaran atau kemahiran diri melalui persaingan dengan orang lain bagi mengetahui kelemahan diri yang ada dan cuba mengatasinya. Sikap proaktif dan pasif terhadap situasi persaingan akan menghasilkan prestasi yang berbeza di mana proaktif menunjukkan prestasi yang lebih baik. Dalam perhubungan ini, maka tidak hairanlah bahawa pembangunan akademik juga berhubung kait dengan sikap persaingan.

Limitasi Kajian

Sikap pelajar terhadap situasi persaingan adalah menjadi fokus dalam kajian ini. Pembolehubah-pembolehubah lain yang didapati mempunyai perkaitan dengannya tidak dikaji dalam kajian ini. Selain itu, responden dalam kajian adalah terbatas kepada pelajar-pelajar yang dipilih secara rawak dari Kolej Bukit Kachi 1 sahaja. Ini mungkin tidak dapat membuat generalisasi yang tepat mengenai populasi yang dikaji iaitu untuk mewakili keseluruhan pelajar institusi pengajian tinggi.

Di samping itu, data yang diperolehi pula hanyalah berasaskan tindak balas responden terhadap soal selidik yang diedarkan dan berkemungkinan responden tidak menunjukkan pendapat yang sebenar semasa mengisi borang soal selidik yang diedarkan. Manakala keputusan yang diperolehi pula hanya mungkin melaporkan situasi yang sebenarnya wujud di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Kolej yang dikaji sahaja. Keputusan ini mungkin tidak dapat mewakili situasi di seluruh populasi atau membuat generalisasi yang tepat tentang situasi di UUM.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan sikap pelajar terhadap situasi persaingan adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan walaupun bukan semua pelajar mendapat PMK yang baik tetapi, mereka mempunyai keinginan untuk memperbaiki diri

bagi mencapai keputusan akademik yang lebih baik. Namun begitu, sikap yang ditonjolkan oleh mereka terhadap situasi persaingan tidak begitu kuat. Oleh itu, langkah-langkah untuk mempertingkatkan sikap positif terhadap situasi persaingan harus dilaksanakan supaya pelajar dapat memupuk daya saing yang kuat bagi mencapai kejayaan dalam akademik, pekerjaan dan apa jua keadaan.

Cadangan

Sikap adalah satu perkara kecil yang boleh memberikan perbezaan besar dalam hidup kita. Kita boleh mengubah hidup dengan cara mengubah pemikiran, perasaan dan tindakan kita. Kajian ini telah menjawab semua objektif yang dibentuk. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap situasi persaingan mengikut jantina, etnik dan terdapat hubungan yang positif antara sikap terhadap situasi persaingan dengan PMK. Manakala sikap terhadap situasi persaingan mengikut semester pengajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan..

Hasil kajian ini mungkin dapat memberi implikasi yang bernilai kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang pendidikan terutamanya golongan pelajar universiti. Sistem meritokrasi yang dilaksanakan memberi peluang kepada pelbagai kumpulan etnik untuk bersaing sesama mereka dengan adil. Dalam kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap situasi persaingan berdasarkan bangsa. Kajian ini telah membuktikan bahawa sikap terhadap situasi persaingan sama ada secara positif atau negatif akan membawa kesan kepada pencapaian akademik.

Selain itu, dalam kajian ini didapati pelajar lelaki menunjukkan sikap terhadap situasi persaingan yang kurang bersaing berbanding dengan perempuan. Hal ini mungkin adalah punca mengapa kemasukan pelajar perempuan ke universiti adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki harus sedar dan mengubah sikap agar dapat mencari pekerjaan yang baik dan menjadi pemimpin negara yang berwibawa pada masa akan datang. Bagi pelajar perempuan pula terus memainkan peranan mereka dan mengekalkan sikap positif yang ada bagi menghadapi cabaran yang semakin hebat sama ada dalam pendidikan atau bidang pekerjaan nanti.

Hal ini adalah penting bagi memupuk daya saing dan pembentukan matlamat yang mampu membantu mereka untuk menghadapi situasi persaingan secara efektif dan produktif. Oleh itu, para pelajar seharusnya menunjukkan sikap yang proaktif dan kreatif dalam situasi persaingan bagi mencapai kejayaan pada masa ini. Dalam proses pembelajaran, sikap memainkan peranan yang penting di mana pelajar boleh memilih cara bersaing secara individual atau secara bekerjasama. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sikap terhadap situasi persaingan tidak berbeza mengikut semester pengajian.

Walau bagaimanapun, bagi pihak IPTA harus mencari cara penyelesaian bagi meningkatkan prestasi dan daya saing pelajar dalam apa jua situasi yang dihadapi. Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan adalah seperti mengadakan seminar, bengkel kerjaya, memberi kaunseling terhadap pelajar-pelajar yang bermasalah. Selain itu, pihak berkenaan harus menyediakan suasana yang dapat memotivasi perasaan dan yang dapat menarik minat pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pembelajaran.

Para pendidik perlu mencari jalan penyelesaian bagi membantu meningkatkan prestasi pelajar supaya sanggup menghadapi cabaran dengan cara memotivasi pelajar dan mengajar strategi serta belajar kemahiran baru bagi bersaing dengan orang lain dalam proses pembelajaran mahupun dalam bidang kerja nanti. Di samping itu, galakkan daripada komuniti, ibu bapa dan rakan sebaya juga amat penting terhadap seseorang individu dalam usaha motivasi diri.

Tetapi yang paling penting ialah sikap dan perangai pelajar itu sendiri. Menurut Grazino, Hair dan Finch (1997) dalam Sambolec [2], berpendapat bahawa persempahan yang baik dalam tugasannya adalah berkait rapat dengan trait personaliti. Ini adalah kerana sekiranya mereka tidak berkeinginan untuk mengubah sikap yang negatif, tiada sesiapa pun yang boleh memaksa mereka. Ini bermakna kesedaran diri memainkan peranan yang penting dalam membentuk sikap yang positif. Oleh itu, pelajar amat digalakkan menyertai program-program peningkatan konsep kendiri, personaliti, kaunseling dan sebagainya.

Selain itu, pelajar juga boleh menampalkan slogan seperti ‘Berusaha Demi Kejayaan’ dalam bilik bagi memotivasi diri agar memperolehi sikap seperti lebih aktif, berazam, optimistik, realistik, proaktif, kreatif, keyakinan pada kebolehan diri bagi membangunkan potensi diri dan menetapkan matlamat dengan teknik yang paling berkesan bagi mencapai kejayaan. Ini adalah kerana matlamat adalah kompas kehidupan. “Hidup tanpa matlamat umpama kapal tanpa nakhoda hanyut di tengah lautan, terumbang-ambilng dipukul arus dan gelombang kehidupan” [14].

Pendek kata, pengalaman pembelajaran adalah penuh dengan situasi cabaran dan tekanan yang menantikan pelajar untuk menanganinya. Maka, mereka harus memupuk sikap yang positif terhadap situasi persaingan dan menetapkan matlamat yang realistik kerana ia merupakan kunci kejayaan hidup. Apabila memperolehi kejayaan akan membawa perasaan bangga, gembira dan kepuasan diri.

Rujukan

- [1] Mohd Makzan Musa. (1994). *Psikologi sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- [2] Sambolec, E. J. (n.d). The effects of competitiveness on task performance: An International approach. Diperolehi pada 21 Julai, 2005 dari <http://www.msu.edu/user/sambolec/thesis.htm>
- [3] Roger T., David W., & Johnson (1994). An overview of cooperative learning. Diperolehi dari <http://www.co-operation.org/pages/overviewpaper.html> pada 28 Julai 2005
- [4] 'Hantu' di dalam system kuota. (June 4, 2005). *Malaysia Today*. Diperolehi pada 11 Julai, 2005 dari <http://www.malaysia-today.net/blog/2005/06/hantu-di-dalam-sistem-kuota.htm>
- [5] Alagna, S. W. (1982). Sex role identity, peer evaluation of competition, and the responses of women and men in a competitive situation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43 (3), 546-554.
- [6] Roberts, T. A. (1991). Gender and the influence of evaluations on self-assessments in achievement settings. *Psychological Bulletin*, 109 (2), 297-308.
- [7] Alvin Hwang. (2003). Adventure learning: Competitive (kiasu) attitudes and teamwork. *The Journal of Management Development*, 22 (7), 562-578.
- [8] Bruno, D. E. (2002). *Racial identity and psychological adjustment among African American college students*. Department of Psychology Central Connecticut State University, New Britain, Connecticut.
- [9] Hurlburt, G., Kroeker, R., & Gade, E. (1991). Study orientation, persistence and retention of native students: Implications for confluent education. *Journal of American Indian Education*, 30 (3).
- [10] Bonta, B. D. (1997). Cooperation ang competition in peaceful societies. *Psychological Bulletin*, 121(2), 299-320.
- [11] Recascino,F., Christina, M., & Smith H.S. (2003). Competition and intrinsic motivation in physical activity: A comparison of two groups. *Journal of Sports Behavior*, 26(3) p. 240.
- [12] Houserman, C. E. (n.d). Running head: Type A and type B personalities, competition and recall speed. Diperolehi pada 7 September, 2005 dari <http://web.sbu.edu/psychology/lavin/carolyn.htm>
- [13] Ruthig, J.C., Perry, R. P., Hall, N. C., & Hladkyj, S. (2004). Optimism and attributional retraining: Longitudinal effects on academic achievement, test anxiety, and voluntary course withdrawal in college students. *Journal of Applied Social Psychology*, 34(4), 709-730.
- [14] Maznah Hamid. (1994). Motivasi memburu kejayaan. Kuala Lumpur: Maznah motivational centre